

SOALAN NO: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-13
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM
[JULAU]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2016 (Rabu)

SOALAN:

**YB Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta PERDANA
MENTERI menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan dalam
usaha merapatkan jurang pembangunan di antara Semenanjung
Malaysia dan Wilayah Sabah dan Sarawak.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (RMKe-11), Kerajaan terus komited dalam usaha merapatkan jurang pembangunan di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. Tumpuan Kerajaan adalah mempercepatkan pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan tahap sosioekonomi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti serta peningkatan pelaburan yang akan memberi manfaat terbaik kepada penduduk tempatan.

Di bawah RMKe-10 (2011-2015), Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM20.6 bilion kepada negeri Sabah atau 8.6 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan. Sabah merupakan negeri yang menerima peruntukan pembangunan tertinggi (tidak termasuk Wilayah Persekutuan). Ini diikuti dengan negeri Sarawak yang menerima peruntukan berjumlah RM18.6 bilion atau 7.8 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan. Usaha pembangunan ini terus dipertingkatkan dalam RMKe-11. Di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-11 (2016), negeri Sabah dan Sarawak turut menerima peruntukan tertinggi iaitu negeri Sabah menerima peruntukan berjumlah RM4.5 bilion atau 9.9% daripada jumlah peruntukan pembangunan dan negeri Sarawak menerima RM4.0 bilion atau 8.8%.

Dalam tempoh RMKe-10, kemajuan signifikan telah dicapai dalam penyampaian infrastruktur asas luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak. Jumlah liputan jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak telah meningkat sebanyak 33.2% iaitu daripada 10,171 kilometer pada tahun 2009 kepada 13,550 kilometer pada tahun 2015. Di Sabah, liputan bekalan elektrik luar bandar telah mencapai 95.1% dan bekalan air 81.5% manakala di Sarawak pula liputan bekalan elektrik luar bandar telah mencapai 94.4% dan bekalan air 82.6% pada tahun 2015.

Di bawah RMKe-11 pula, pelaksanaan projek infrastruktur/kemudahan utiliti akan terus dipertingkatkan bagi mempercepat proses pembangunan negeri Sabah dan Sarawak. Bagi tempoh 2016, sebanyak RM633.5 juta telah diperuntukan bagi pembinaan jalan luar bandar, RM140.4 juta bagi pembangunan bekalan air luar bandar dan RM730 juta bagi pembangunan bekalan elektrik luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak. Dengan peruntukan tersebut, dijangka sepanjang 214.9 kilometer jalan luar bandar di negeri Sabah dan 203.7 kilometer jalan di luar bandar negeri Sarawak dapat disediakan. Selain itu, tambahan 1,000 buah rumah di luar bandar negeri Sabah dan tambahan 1,000 buah rumah di luar bandar negeri Sarawak akan mendapat akses kepada bekalan air bersih dan terawat. Dalam tempoh yang sama, tambahan 5,000 buah rumah di luar bandar negeri Sabah dan tambahan 4,500 buah rumah di luar bandar negeri Sarawak akan mendapat akses kepada bekalan elektrik. Di samping itu, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo akan meningkatkan ketersambungan di Sabah dan Sarawak.

Dalam RMKe-11 juga, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada empat bandar utama termasuk Kuching dan Kota Kinabalu untuk dijadikan

bandar berdaya saing. Dengan ini, satu pelan induk daya saing bandar akan dirangka bagi bandar Kota Kinabalu dan Kuching dengan mengambil kira kelebihan daya saing bandar berkenaan. Ini adalah bagi memastikan bandar utama ini bukan sahaja maju dari segi ekonomi tetapi akan menjadi tempat yang selesa untuk dihuni oleh penduduk daripada pelbagai peringkat sosioekonomi.

Bagi terus merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan mengurangkan ketidakseimbangan dalam dan antara wilayah, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) telah diwujudkan pada tahun 2008. Sejak penubuhan SCORE di Sarawak pada tahun 2008 sehingga kini, sebanyak RM31 billion jumlah pelaburan dan 21,471 peluang pekerjaan berjaya direkodkan. Antara projek pembangunan yang berimpak tinggi di wilayah ekonomi SCORE yang sedang dan akan dilaksanakan di bawah RMKe-11 adalah termasuk Projek *BARAM: Integrated Highland Agriculture Station, Mukah Growth Nodes Development*, Taman Perindustrian Samalaju dan pembinaan Jalan Akses ke Tapak Empangan Baleh, Bahagian Kapit dengan kos keseluruhan projek-projek tersebut berjumlah RM2,753 juta. Bagi ekonomi wilayah SDC yang ditubuhkan di Sabah pada tahun 2008 pula, jumlah pelaburan domestik dan asing yang berjaya ditarik sehingga akhir 2015 adalah sebanyak RM153.4 bilion. Dalam tempoh penubuhan SDC sehingga 2015 juga, sebanyak 172,172 peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan. Antara projek utama yang akan menjadi pemangkin pembangunan di Sabah adalah projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay, Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit, Sandakan, Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit, Lahad Datu dan Pembinaan Jeti Minyak Sawit di POIC Sandakan.

Selain itu, Pusat Inkubator Pembangunan Kreatif Sabah (SAC3) Fasa 2 dengan kos keseluruhan sebanyak RM19 juta juga dijangka akan memanfaatkan golongan belia di Sabah. Kos keseluruhan projek-projek SDC dalam RMKe-11 adalah dianggarkan sebanyak RM2,727 juta.

Berdasarkan kepada hasil laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) terkini, iaitu tahun 2014, menunjukkan pendapatan kasar bulanan isi rumah purata di negeri Sabah dan Labuan telah meningkat daripada RM767 pada 1979 kepada RM4,985 pada tahun 2014. Ia merupakan peningkatan purata sebanyak 5.5% setahun bagi tempoh tahun tersebut. Peratus insiden kemiskinan turut berkurangan di negeri Sabah dan Labuan daripada 4.7% pada tahun 1979 kepada 3.9% sahaja pada tahun 2014. Purata pendapatan kasar bulanan isi rumah di negeri Sarawak pula telah meningkat daripada RM582 pada 1979 kepada RM4,934 pada tahun 2014 dengan peningkatan purata sebanyak 6.3% setahun. Negeri Sarawak pula merekodkan peratus insiden kemiskinan yang lebih rendah pada tahun 2014 iaitu 0.9% pada tahun 2014 berbanding 47.8% pada tahun 1979.

Secara amnya, pelaksanaan projek-projek pembangunan ekonomi wilayah di Sarawak dan Sabah akan menarik pelaburan yang akan menjana peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan seterusnya akan merapatkan jurang pembangunan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK

TARIKH : 26 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9320

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa pihak polis tidak mengambil tindakan terhadap ahli-ahli Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan yang mengadakan demonstrasi di depan Ibu Pejabat DAP pada 12 Julai 2016 serta mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang berunsur hasutan dan berbau perkauman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis telah menjalankan siasatan berkait dengan Pudu Repot 6861/16 di bawah seksyen 4 (1) Akta Hasutan dan seksyen 9 (5) Akta Perhimpunan Aman 2012 berhubung demonstrasi pada 12 Julai 2016 di jalan masuk ke tempat letak kenderaan di hadapan Bangunan DAP Hotel Wenworth, Jalan Yew, Pudu, Kuala Lumpur. Pihak polis dalam proses untuk melengkapkan siasatan sebelum sedang dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan selanjutnya.